

30 SEP 2003

Mahathir-LIMA

LIMA JADI MEDAN TAWARKAN PRODUK UDARA DAN LAUT

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) menawarkan peluang terbaik kepada industri udara dan laut untuk mempamerkan produk mereka bukan saja bagi menangani isu keganasan tetapi juga mengatasi masalah kesan daripada pertumbuhan pantas dalam perdagangan pengangkutan udara dan marin.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa yang sama, negara-negara di rantau ini perlu mempunyai kemampuan tertentu untuk melengkapkan diri mereka dengan keperluan yang bukan berbentuk pertahanan.

Dalam hal ini, pemindahan teknologi dan kemampuan pembuatan adalah penting bagi negara-negara ini, katanya semasa merasmikan LIMA 2003 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak, Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis dan Menteri PEngangkutan Datuk Chan Kong Choy.

Dr Mahathir berkata LIMA 2003 menawarkan peluang yang cukup kepada semua pihak, termasuk mereka yang terlibat dalam industri berkenaan dan pegawai-pegawai kerajaan, untuk menilai pelbagai perkakasan ketenteraan dan juga peralatan awam yang dipamerkan.

Perdana Menteri berkata LIMA '03 adalah wadah terbaik bagi syarikat-syarikat mempamerkan produk mereka kepada Malaysia dan rantau ini, dan mereka seharusnya menggunakan peluang ini untuk menjalin perkongsian strategik termasuk mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan.

"Pada masa yang sama, kami berharap dengan penyertaan di sini, anda sekalian akan lebih memahami tentang kemampuan industri tempatan kami serta insentif yang kami sediakan untuk memenuhi hasrat kami menjadikan Malaysia tempat tumpuan bagi kegiatan pembuatan dan pemasaran bagi produk udara dan maritim awam dan tentera," katanya.

Sambil menyebut bahawa terdapat banyak syarikat Malaysia yang menyertai LIMA '03, Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat ini berharap untuk menjalin usaha sama dengan syarikat-syarikat asing yang mempunyai kepakaran dalam teknologi canggih.

"Dan mereka mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang pasaran di Asia Tenggara. Kerjasama antara syarikat-syarikat Malaysia ini dan syarikat asing akan menguntungkan kedua-dua pihak," katanya.

Perdana Menteri juga berkata LIMA akan terus membawa manfaat kepada Malaysia dan rantau Asia Pasifik, yang merupakan pasaran kedua terbesar dunia bagi produk udara dan maritim.

Pasaran bagi eksport pertahanan ke Asia saja diunjurkan meningkat kepada US\$70 bilion (RM266 bilion) antara 2002 dan 2006, dan ia dijangka terus naik.

"Disebabkan inilah kerajaan Malaysia menyokong penganjuran pameran ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara di rantau ini bukan saja ingin meningkatkan keupayaan pertahanan udara mereka tetapi juga untuk mendapatkan teknologi.

Perdana Menteri berkata bahawa bagi negara-negara Asia Tenggara, pertahanan udara dan maritim amatlah penting kerana kebanyakan mereka terdiri gugusan besar mengandungi pesisir pantai yang panjang dan bilangan pulau yang banyak yang perlu dilindungi.

Katanya kapal dan pesawat diperlukan untuk tujuan rondaan bagi menjamin

laluhan perkapalan yang selamat daripada ancaman lanun dan juga untuk menjaga keselamatan perairan negara dan zon ekonomi.

Malaysia telah membina beberapa stesen radar di sepanjang pantai semenanjung bagi mengawasi trafik di Selat Melaka, manakala lebih banyak bot dan pesawat peronda juga dikerahkan, kata Dr Mahathir.

Kerajaan juga bercadang membina stesen radar di sepanjang pantai Sarawak dan Sabah, katanya.

"Selat Melaka adalah laluhan perkapalan antarabangsa, dan dunia, khususnya negara-negara yang mempunyai kapal yang menggunakan laluhan ini, perlu membantu menjamin keselamatannya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata bahagian-bahagian tertentu selat itu perlu dikorek agar kapal tidak terkandas, lebih-lebih lagi kapal kontena yang semakin besar saiznya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa sejak LIMA `01, dunia diselubungi keadaan tidak menentu akibat ancaman keganasan dan tindakan ketenteraan, dan pada tahun ini pula oleh serangan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Semua ini menjejaskan ekonomi dunia serta industri pelancongan dan perjalanan udara selain mengurangkan permintaan untuk pesawat khususnya pesawat komersial, katanya.

"Tetapi kini terdapat tanda-tanda bahawa industri pelancongan di Asia Timur semakin pulih dengan cepat," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, jumlah pelancong ke Asia Tenggara kini kembali ke paras sebelum berlaku SARS dan serangan di Amerika pada 11 Sept, dan ini akan meningkatkan permintaan untuk pesawat komersial di Asia.

Dr Mahathir berkata tempahan untuk pesawat baru oleh syarikat penerbangan yang menawarkan harga tiket yang rendah telah melebihi tempahan oleh syarikat penerbangan berharga biasa.

"Malaysia juga mempunyai syarikat penerbangan berharga rendah (Air Asia) dan nampaknya ia menunjukkan prestasi yang baik," katanya.

-- BERNAMA

SR MAD AHH MAI